

Ketidaksantunan Bahasa dalam Komen Isu Peletakan Jawatan YDPA*

Nurrissammimayantie Ismail^{1*}, Amirah Ahmad¹, Norizah Ardi¹ dan Noriza Daud¹

¹Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam.

ABSTRAK

Kepesatan teknologi masa kini memberi pelbagai impak positif dan negatif dalam sistem berkomunikasi. Dalam mendepani Revolusi Industri 4.0, salah satu cabarannya ialah jaringan komunikasi tanpa had seperti dalam media sosial. Kesantunan berbahasa merupakan lambang pemikiran dan sikap penuturnya. Semenjak zaman prasekolah hingga ke peringkat pengajian tinggi kesantunan berbahasa sentiasa ditekankan dalam pendidikan. Melalui pendidikan rohani dan moral, kesantunan berbahasa diajar kepada masyarakat sejajar dengan prinsip yang termaktub dalam Rukun Negara. Umumnya masyarakat sedar bahawa individu yang menggunakan bahasa yang santun melambangkan pemikiran yang positif dan sikap santun. Walau bagaimanapun, fenomena penggunaan bahasa yang tidak santun dalam menyampaikan komen di media sosial seolah-olah menjadi kebiasaan bagi golongan warga maya. Kertas kerja ini bertujuan untuk meneliti bentuk-bentuk ketidaksantunan berbahasa dalam komen berkaitan isu tersebut berdasarkan kerangka bentuk ketidaksamaan oleh Culpeper (2011) iaitu hinaan, kritikan pedas atau aduan, soalan yang mencabar atau praandaian, meninggi diri, mesej paksaan, penyingkiran, mendiamkan, ugutan, sumpahan dan gangguan campur tangan. Data kajian ini ialah komen warga maya terhadap isu peletakan jawatan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) pada awal tahun ini. Isu tersebut apabila dikongsi dalam laman Facebook Siakap Keli yang ternyata mempunyai pengikut ratusan ribu dan mendapat komen yang banyak. Kajian ini bersifat deskriptif dengan menerapkan kaedah analisis kandungan menerusi penelitian terhadap perkataan atau rangkai kata yang digunakan oleh warga maya semasa memberi komen. Dapatan kajian menunjukkan komen-komen warga maya lebih banyak menggunakan bahasa berbentuk hinaan yang terbahagi kepada empat iaitu vokatif negatif persendirian, penegasan negatif persendirian, rujukan negatif persendirian dan rujukan negatif orang ketiga dalam sasaran perbincangan. Hal ini secara tidak langsung menggambarkan pemikiran dan sikap warga maya yang kian luntur nilai kesantunan ketika berbahasa.

Kata Kunci: Ketidaksantunan Berbahasa, Bentuk-bentuk Ketidaksantunan, Media Sosial, Facebook, Isu YDPA, Rukun Negara.

PENGENALAN

Kesantunan berbahasa merupakan lambang pemikiran dan nilai sikap yang didukung oleh penuturnya. Berbahasa dengan sopan merupakan perkara penting dalam kehidupan manusia selaras dengan kehendak agama. Dalam agama Islam, hal ini telah dinyatakan dengan jelas melalui al-Quran dan hadis seperti "Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, semoga ia beringat" (Surah Taha, ayat 44) dan "Allah tidak menyukai ucapan buruk, (yang diucapkan) dengan terus terang kecuali oleh orang yang dianinya. Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui" (Surah An-Nisa, ayat 148). Makanya, semenjak zaman prasekolah hingga ke peringkat pengajian tinggi, kesantunan berbahasa sentiasa ditekankan dalam pendidikan, melalui pendidikan rohani dan moral. Umumnya masyarakat sedar bahawa individu yang menggunakan bahasa yang santun melambangkan pemikiran yang positif dan sikap yang santun. Walau bagaimanapun, fenomena penggunaan bahasa yang tidak santun dalam menyampaikan komen di media sosial kini seolah-olah menjadi kebiasaan.

*Koresponden: nurrissa@uitm.edu.my

Amalan pendidikan rohani dan moral yang menekankan aspek kesantunan bahasa bukan sahaja perkara yang dituntut dalam agama, malah kesantunan bahasa juga ditekankan dalam prinsip-prinsip yang termaktub dalam Rukun Negara. Lima prinsip Rukun Negara Malaysia mendukung (1) Kepercayaan kepada Tuhan; (2) Kesetiaan kepada Raja dan Negara; (3) Keluhuran Perlembagaan; (4) Kedaulatan Undang-undang; dan (5) Kesopanan dan Kesusilaan. Prinsip pertama menuntut seseorang warga rakyat Malaysia mempunyai pegangan agama dan mempercayai tentang kewujudan Tuhan. Pegangan dalam mana-mana agama sama ada Islam, Budha, Hindu dan Kristian (agama-agama yang paling umum dianuti oleh rakyat Malaysia) menitikberatkan seseorang individu itu menyantuni pihak yang dilawan bicara. Manakala prinsip yang kedua menekankan kepada hal berkaitan kesetiaan kepada institusi beraja, iaitu sebuah institusi yang paling bermartabat; dan adalah sewajarnya institusi ini dihormati dan dipelihara. Prinsip yang ketiga dalam Rukun Negara, jelas menunjukkan nilai kesopanan dan kesusilaan yang perlu didukung sebagai individu yang berwarganegara Malaysia. Ketiga-tiga prinsip ini jelas menuntut seseorang rakyat Malaysia tidak terkecuali warga maya, untuk menunjukkan kesantunan berbahasa tanpa mengira bangsa maupun agama.

Dalam kajian ini, isu berkaitan peletakan jawatan YDPA yang ke-15 yang tersiar dan dikomen oleh warga maya melalui Facebook telah dijadikan data kajian ini. Laman sosial Facebook merupakan salah satu rangkaian sosial yang terkenal dan ramai penggunanya. Pada 11 Januari 2004, Mark Zuckerberg yang merupakan mahasiswa di Universiti Harvard telah mencipta laman sosial Facebook. Tujuan utama beliau berbuat demikian adalah untuk menghubungkan para pelajar di dalam universiti tersebut. Hingga ke hari ini, pengguna Facebook semakin ramai. Menurut <https://www.statista.com/statistics/272014/global-social-networks-ranked-by-number-of-users/> sehingga April 2019, Facebook merupakan jaringan sosial yang paling ramai penggunanya di dunia dengan jumlah akaun pengguna aktif yang berdaftar seramai 2.32 bilion.

Peredaran zaman dan kemajuan teknologi ini yang seiring Revolusi Industri 4.0 memberi impak kepada perubahan dan penggunaan bahasa. Jika suatu ketika dahulu, masyarakat hanya membincangkan sesuatu isu semasa di meja-meja kopi, namun kini, kepesatan teknologi memberi ruang kepada pelbagai lapisan masyarakat untuk melontarkan pandangan dan pendapat tentang sesuatu isu menerusi pelbagai platform. Antara platform yang sering digunakan oleh masyarakat kini ialah ruangan media sosial seperti Facebook. Justeru itu, platform yang tersedia harus dimanfaatkan sebaik-baiknya bagi mencapai matlamat utama media sosial tersebut diwujudkan iaitu membentuk jaringan sosial tanpa sempadan. Dalam konteks bersosial, penggunaan bahasa yang santun dituntut untuk menjaga keharmonian dan kemakmuran sejagat.

Namun begitu, apabila berita peletakan jawatan YDPA yang ke-15 dilaporkan menerusi salah satu media alternatif yang mempunyai ramai pengikut seperti Facebook Siakap Keli, terdapat pelbagai reaksi dan maklum balas daripada warga maya yang kebanyakannya berbaur negatif. Hal ini memperlihatkan bahawa ketiga-tiga prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara tersebut tidak dipatuhi. Perkara yang paling utama, kehormatan dan kewibawaan institusi beraja tersebut telah dicemarkan dengan komen-komen yang tidak sewajarnya oleh warga maya. Sedangkan, sebagai rakyat Malaysia, tidak terkecuali golongan warga maya, memahami dan menghayati lima prinsip rukun negara merupakan suatu tanggungjawab yang harus didukung.

Konsep ketidaksantunan merupakan peluasan kepada konsep kesantunan berbahasa. Kesantunan berhosa menurut perspektif masyarakat Melayu ialah penggunaan bahasa sehari-hari yang tidak menimbulkan kegusaran, kemarahan dan rasa tersinggung kepada pihak yang mendengar (Asmah, 2000). Hal ini turut disokong oleh Awang Sariyan (2007) yang menyatakan kesantunan sebagai penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicara. Menerusi perspektif pemikiran masyarakat Melayu, dapat disimpulkan bahawa kesantunan merupakan

penggunaan bahasa sehari-hari yang menunjukkan kata-kata yang baik, sopan, beradab, menunjukkan penghormatan; dan tidak menimbulkan kegusaran, kemarahan atau menyenggung pihak yang dilawan bicara. Justeru, konsep ketidaksantunan berbahasa dapat disimpulkan sebagai penggunaan bahasa yang tidak sopan, biadab, dan kurang ajar; sehingga menimbulkan kemarahan, kegusaran dan menyenggung pihak yang dilawan bicara.

Dalam menentukan konsep ketidaksantunan, secara umumnya rujukan terhadap konsep '*impolite*' diteliti. Culpeper (2011) menjelaskan perkataan '*impolite*' merujuk kepada *discourteous, presumptuous, hurtful, demeaning, insulting, flippant, bossy, unprofessional, unappreciative, overbearing, impertinent, insolent, disrespectful, distasteful, pushy, disloyal, nosy, ill-mannered, unbecoming, inconsiderate, unladylike, tactless, ungenerous, unsportsmanlike, blasphemous, thoughtless, boorish, derogatory, flirtatious*, dan *uncalled-for*. Secara dasarnya, perkataan-perkataan tersebut jika diterjemah merujuk kepada kurang sopan, terlalu berani, melukakan, merendahkan martabat atau maruah, menghina, sambil lewa, suka mengarah, tidak profesional, tida menghargai, suka menguasai orang lain, biadab, kurang ajar, tidak menghormati, dibenci, suka mendesak, tidak setia, mengambil tahu hal orang, tidak beradab, tidak wajar, tidak bertimbang rasa, tidak seperti perempuan yang baik-baik, tidak bijaksana, kebakilan, tidak adil, kufur, kasar dan tidak tahu adat, menghina, mengoda dan tidak patut.

Kerangka konsep ketidaksantunan yang dikemukakan oleh Culpeper (1996, 2011) turut dimanfaatkan oleh para pengkaji bahasa dalam meneliti fenomena ketidaksantunan bahasa dalam kalangan masyarakat sama ada dari aspek strategi ketidaksantunan (Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2012; Nor Shahila *et al.*, 2014; Jane Xavierine, 2017; Erza & Hamzah, 2018); dan strategi dan formula ketidaksantunan (Murugan Krishnan, 2018). Selain daripada kerangka ketidaksantunan yang dikemukakan oleh Culpeper tersebut, terdapat juga kajian ketidaksantunan bahasa yang memanfaatkan kerangka ketidaksantunan Matsumoto (1998) dalam melihat perbualan berbahasa Jepun dalam kalangan pemandu pelancong di Malaysia seperti kajian Roswati *et al.* (2017). Hal ini memperlihatkan bahawa kajian ketidaksantunan bahasa mula mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji bahasa. Namun begitu, berdasarkan kajian-kajian yang dinyatakan tersebut, kebanyakannya dalam kalangan pengkaji hanya memfokus kepada strategi ketidaksantunan bahasa dalam pelbagai data sama ada kalangan remaja (Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2012); iklan bercetak (Nor Shahila *et.al.*, 2014); komen di media sosial seperti Instagram dan Facebook (Erza & Hamzah, 2018 dan Jane Xavierine, 2017); dan komen di portal Malaysiakini (Murugan Krishnan, 2018). Dapatkan kajian tersebut membincangkan strategi-strategi ketidaksantunan yang sering digunakan oleh para pengguna bahasa seperti strategi ketidaksantunan positif; strategi ketidaksantunan negatif dan sindiran; dan strategi ketidaksantunan secara langsung. Justeru itu, kajian ini hanya memfokus kepada bentuk-bentuk ketidaksantunan berbahasa yang digunakan dalam ruangan komen oleh warga maya terhadap isu peletakan jawatan YDPA ke-15 dalam media alternatif Facebook Siakap Keli.

KERANGKA KONSEP BENTUK KETIDAKSANTUNAN BERBAHASA

Ketidaksantunan adalah sikap dan perilaku negatif yang terjadi dalam konteks tertentu (Culpeper, 2011:254). Perilaku tidak santun didasari oleh harapan, keinginan dan/atau keyakinan tentang nilai tertentu. Culpeper (2008:36) telah mengemukakan pandangan berkaitan ketidaksantunan. Menurut beliau, ketidaksantunan merupakan perilaku komunikasi yang berniat menyerang air muka orang yang ditujukan percakapan, atau menyebabkan orang yang ditujukan percakapan menjadi berasa begitu. Dengan kata lain, tindakan ketidaksantunan bergantung pada niat penutur dan pemahaman pendengar terhadap ujaran yang dituturkan. Sesuatu ujaran mungkin diklasifikasikan sebagai tindakan tidak santun sekiranya si pendengar telah menganggap bahawa penutur telah menjatuhkan air mukanya atau ujaran tersebut menampakkan tindakan yang bersifat ancaman.

Culpeper (2011) turut menyatakan konsep '*impolite*' dari perspektif pragmatik linguistik dengan menunjukkan kajian fenomena bahasa yang menjurus kepada ketidaksantunan (*impolite(ness)*); kebiadaban (*rude(ness)*); kajian bahasa yang menjengkelkan (*aggravation, aggravated/aggravating language/facework*); kajian bahasa bersifat agresif (*aggressive facework*); ancaman air muka (*face-attack*); *verbal aggression*; dan bahasa kesat (*abusive language*). Konsep ketidaksantunan berbahasa adalah peluasan daripada model kesantunan berbahasa. Culpeper (2011) telah mengkategorikan bentuk ketidaksantunan kepada sepuluh bentuk, iaitu bentuk hinaan, bentuk kritikan pedas atau aduan, bentuk soalan yang mencabar atau praandaian, bentuk meninggi diri, bentuk mesej paksaan, bentuk penyingkiran, bentuk mendiamkan, bentuk ugutan, bentuk sumpahan dan bentuk gangguan campur tangan. Jadual 1 berikut merupakan pengkategorian bentuk ketidaksantunan bahasa menurut Culpeper (2011).

Jadual 1: Pengkategorian Bentuk Ketidaksantunan Menurut Culpeper (2011)

| Bil | Kategori | Huraian & Contoh |
|----------|---|---|
| a | Bentuk Hinaan | <i>Bentuk hinaan merujuk kepada kata-kata yang tidak santun dan negatif yang digunakan sebagai kata panggilan, penegasan, rujukan dan rujukan bagi orang ketiga atau orang lain.</i> |
| | Vokatif Negatif | [you] [[fucking/rotten/dirty/fat/little/etc.] |
| | Persendirian | [moron/fuck/plonker/dickhead/berk/pig/shit/bastard/loser/liar/etc.] [you] |
| | Penegasan | [you] [are] [so/such] [a] |
| | Negatif | [shit/stink/thick/stupid/bitchy/bitch/hypocrite/disappointment/gay/nuts/nuttier than a fruit cake/hopeless/pathetic/fussy/terrible/fat/ugly/etc.] |
| | Persendirian | [you] [can't do] [anything right/basic arithmetic/etc.] [you] [disgust/make] [me] [sick/etc.] |
| | Rujukan Negatif | [your] [little/stinking] [mouth/act/arse/body/etc.] |
| | Persendirian | |
| | Rujukan Negatif | [the] [daft] [bimbo] |
| | Orang Ketiga | [she's] [nutzo] |
| | Dalam Sasaran | |
| | Perbincangan | |
| b | Bentuk Kritikan Pedas / Aduan | <i>Bentuk kritikan pedas atau bersifat aduan merujuk kepada kata-kata sinis / kritikan yang tidak menyenangkan sehingga menyebabkan pihak yang dikritik tersinggung atau marah dengan kritikan yang melampau dan memalukan.</i> |
| | | [that/this/it] [is/was] [absolutely/extraordinarily/unspeckably/etc.] [bad/rubbish/crap/horrible/terrible/etc.] |
| c | Bentuk Soalan Yang Mencabar / Praandaian | <i>Bentuk soalan yang mencabar merujuk kepada soalan yang diajukan untuk memprovokasi atau menyata ketidakpuasan hati dengan menggunakan kata-kata yang menjengkelkan.</i> |
| | | <i>why do you make my life impossible? which lie are you telling me? what's gone wrong now? you want to argue with me or you want to go to jail?</i> |
| d | Bentuk Meninggi Diri | <i>Bentuk meninggi diri merujuk kepada kata-kata yang merendahkan orang lain.</i> |
| | | [that] ['s/being] [babyish/childish/etc.] |
| e | Bentuk Mesej Paksaan | <i>Bentuk mesej paksaan merujuk kepada kata-kata yang bersifat paksaan, arahan dan desakan.</i> |
| | | <i>listen here (as a preface) you got it? (as a tag) read my lips do you understand [me]? (as a tag)</i> |

| | |
|--|--|
| f Bentuk Penyingkiran | Bentuk penyingkiran merujuk kepada kata-kata yang tegas seolah-olah menghalau, menyingkir dan memecat. [go] [away] [get] [lost/out] [fuck/piss/shove] [off] |
| g Bentuk Mendiamkan | Bentuk mendiamkan merujuk kepada kata-kata yang menekan seseorang untuk berdiam dan berhenti daripada menyatakan sesuatu. [shut] [it/your mouth, face/etc.] [shut] [the fuck] up |
| h Bentuk Ugutan | Bentuk ugutan merujuk kepada kata-kata yang berbentuk ancaman, amaran atau tekanan. [I'll] [I'm/we're gonna] [smash your face in/beat the shit out of you/box your ears/bust your fucking head off/straighten you out/etc.] [if you don't] [X] [X] [before I] [hit you/strangle you] |
| i Bentuk Sumpahan | Bentuk sumpahan merujuk kepada kata-kata kutukan, makian, dan mengharapkan sesuatu yang buruk berlaku. [go] [to hell/hang yourself/fuck yourself] [damn/fuck] [you] |
| j Bentuk Gangguan Campur Tangan | Bentuk gangguan campur tangan merujuk kepada kata-kata yang mengganggu atau mencampuri sesuatu perbualan yang sedang berlangsung tanpa kebenaran sehingga menimbulkan rasa kurang senang. interruptions shouting eavesdropping |

Kerangka bentuk ketidaksantunan Culpeper (2011) tersebut dimanfaatkan sebagai kerangka dalam penganalisisan ketidaksantunan bahasa dalam kalangan warga maya menerusi komen terhadap isu peletakan jawatan YDPA ke-15 di ruangan Facebook Siakap Keli.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menerapkan kaedah kualitatif bersifat deskriptif menerusi analisis kandungan bagi mencapai objektif utama kajian, iaitu menganalisis bentuk-bentuk ketidaksantunan bahasa berdasarkan kerangka yang dikemukakan oleh Culpeper (2011). Analisis bentuk ketidaksantunan bahasa dilakukan terhadap komen-komen warga maya tentang isu berkaitan peletakan jawatan YDPA yang ke-15. Analisis kandungan dilakukan berdasarkan leksikal dan frasa yang digunakan dalam komen yang diberi. Selain itu, analisis turut dilakukan terhadap keseluruhan konteks ayat dalam komen yang membawa makna ketidaksantunan. Makna konteks tersebut adalah berdasarkan konsep ketidaksantunan yang dinyatakan dan kemudiannya dikelompokkan mengikut bentuk-bentuk ketidaksantunan yang dikemukakan oleh Culpeper (2011). Kajian ini memanfaatkan data daripada komen warga maya terhadap isu berkaitan peletakan jawatan YDPA yang ke-15 yang tersiar melalui Facebook Siakap Keli yang dilaporkan pada 6 Januari 2019 bertajuk “Terkini: Sultan Muhammad V Letak Jawatan Sebagai Yang Di-Pertuan Agong XV”. Pemilihan komen warga maya terhadap isu peletakan jawatan Yang di-Pertuan Agong sebagai data kajian adalah bersandarkan kepada kewajaran yang terkandung dalam Rukun Negara Malaysia.

Isu berkaitan peletakan jawatan YDPA yang ke-15 tersebut telah menerima sebanyak 2,100 maklum balas daripada warga maya. Namun, kajian ini hanya memanfaatkan 630 maklum balas

sahaja iaitu 30% daripada 2,100 maklum balas untuk tujuan analisis bentuk ketidaksantunan. Jadual 2 berikut merupakan perincian terhadap 630 komen tersebut.

Jadual 2 Perincian maklum balas warga maya terhadap isu peletakan jawatan YDPA ke-15

| Jenis Maklum Balas | Jumlah |
|---------------------------|---------------|
| Gambar | 19 |
| Tag akaun | 15 |
| Pautan | 2 |
| Tanda pagar | 2 |
| Iklan | 3 |
| Komen | 589 |
| Jumlah | 630 |

Jadual 2 tersebut menunjukkan perincian jenis maklum balas dalam ruangan komen yang diberikan terhadap isu peletakan YDPA ke-15. Kajian ini hanya memfokus kepada komen dalam ruangan maklum balas tersebut, manakala maklum balas berbentuk gambar, tag akaun, pautan, tanda pagar dan iklan disisihkan sebagai data kajian.

Komen-komen warga maya tersebut dikenal pasti dan dilabelkan mengikut kerangka bentuk ketidaksantunan Culpeper (2011). Pelabelan bentuk ketidaksantunan adalah seperti Jadual 3 berikut.

Jadual 3 Pelabelan bentuk ketidaksantunan

| | Bentuk Ketidaksantunan | Label |
|-----------------------------------|---|--------------|
| Hinaan | Vokatif Negatif Persendirian | H-VNP |
| | Penegasan Negatif Persendirian | H-PNP |
| Hinaan | Rujukan Negatif Persendirian | H-RNP |
| | Rujukan Negatif Orang Ketiga dalam Sasaran Perbincangan | H-RNS |
| Kritikan Pedas / Aduan | | KPA |
| Soalan yang Mencabar / Praandaian | | SMP |
| Meninggi Diri | | MD |
| Mesej Paksaan | | MP |
| Penyingkiran | | P |
| Mendiamkan | | M |
| Ugutan | | U |
| Sumpahan | | S |
| Gangguan Campur Tangan | | GCT |

Data yang dikenal pasti menunjukkan ketidaksantunan bahasa dilabelkan mengikut label yang dinyatakan seperti dalam Jadual 3 dan seterusnya dianalisis menerusi konteks penggunaannya berdasarkan bentuk-bentuk ketidaksantunan bahasa Culpeper (2011).

BENTUK KETIDAKSANTUNAN BAHASA DALAM KOMEN ISU PELETAKAN JAWATAN YDPA

Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap 589 komen warga maya berkenaan isu peletakan jawatan YDPA ke-15 yang dilaporkan dalam media alternatif Facebook Siakap Keli, sebanyak

161 komen menunjukkan ketidaksantunan bahasa. Jadual 4 berikut merupakan perincian bagi bentuk-bentuk ketidaksantunan bahasa yang telah dikenal pasti.

Jadual 4 Bentuk ketidaksantunan bahasa dalam komen isu peletakan jawatan YDPA

| | Bentuk Ketidaksantunan | Jumlah |
|------------------------|---|------------|
| Hinaan | Vokatif Negatif Persendirian | 27 |
| | Penegasan Negatif Persendirian | 15 |
| | Rujukan Negatif Persendirian | 3 |
| | Rujukan Negatif Orang Ketiga dalam Sasaran Perbincangan | 25 |
| | Kritikan Pedas / Aduan | 39 |
| | Soalan yang Mencabar / Praandaian | 21 |
| | Meninggi Diri | 10 |
| | Mesej Paksaan | 3 |
| | Penyingkiran | 6 |
| | Mendiamkan | 3 |
| Ugutan | | 2 |
| Sumpahan | | 2 |
| Gangguan Campur Tangan | | 5 |
| Jumlah | | 161 |

Berdasarkan perincian bentuk-bentuk ketidaksantunan bahasa dalam Jadual 4 tersebut, bentuk ketidaksantunan yang menunjukkan penggunaan paling tinggi ialah bentuk hinaan (70) apabila digabungkan keempat-empat sub iaitu vokatif negatif persendirian (27), penegasan negatif persendirian (15), rujukan negatif persendirian (3) dan rujukan negatif orang ketiga dalam sasaran perbincangan (25). Bentuk ketidaksantunan yang menunjukkan penggunaan paling rendah ialah bentuk ugutan (2) dan bentuk sumpahan (2).

Bentuk Hinaan

Berdasarkan kerangka ketidaksantunan Culpeper (2011), bentuk hinaan dapat dibahagikan kepada empat iaitu vokatif negatif persendirian, penegasan negatif persendirian, rujukan negatif persendirian dan rujukan negatif orang ketiga dalam sasaran perbincangan. Analisis terhadap komen warga maya menunjukkan penggunaan bentuk hinaan paling tinggi apabila leksikal-leksikal yang negatif digunakan bagi merujuk kepada seseorang atau individu yang diperkatakan seperti '*anjing*', '*bodoh*', '*mahacai*', '*totok*' dan '*bangsat*'.

Jadual 5 Bentuk hinaan dalam komen warga maya terhadap isu peletakan jawatan YDPA ke-15

| Data | Komen |
|--------|---|
| H-VNP1 | <i>Ni name bodo anjir</i> [Ni nama bodoh, anjing] |
| H-PNP1 | <i>HE Nazim bodohnyaaa kamu ..</i> [HE Nazim bodohnya kamu] |
| H-RNP1 | <i>Budak ni mmg totok PAN yg amat. Jenis melayu bangsat</i> [Budak ni memang pengikut tegar Parti Amanah Negara yang amat. Jenis Melayu bangsat] |
| H-RNS1 | <i>Jaga2 bro,satgi bertalu mahacai back up parti</i> [Jaga-jaga bro, sekejap lagi bertalu mahacai back-up parti] |

Data H-VNP1 tersebut merupakan maklum balas salah seorang warga maya yang ditujukan kepada salah satu komen tentang isu yang dibincangkan. Warga maya tersebut memberi maklum balas sedemikian terhadap komen “Tak pernah berlaku agong ltk jwtn dlm msia. Tp dlm pemerintahan ph berlaku. Knp ye? Tak sanggup tanggung dosa ye?”. Komen yang menunjukkan bentuk hinaan-vokatif negatif persendirian tersebut dilihat menerusi penggunaan ‘bodoh’ untuk menghina si penulis komen, dan menggelarnya dengan perkataan negatif iaitu ‘anjing’. Berdasarkan konteks maklum balas komen tersebut, leksikal ‘bodoh’ itu merupakan suatu perkataan yang digunakan untuk menghina warga maya yang lain. Leksikal ‘anjing’ merujuk kepada haiwan dan apabila digunakan untuk merujuk kepada seseorang individu, ia merupakan suatu bentuk hinaan vokatif persendirian kerana menggelarkan seorang manusia dengan kata panggilan haiwan khususnya apabila komen warga maya tersebut secara spesifik merujuk kepada si pemberi komen menerusi ujaran **“ni name bodo anjir”** [ni nama bodoh, anjing].

Data H-PNP 1 dalam Jadual 5 pula menunjukkan penggunaan bentuk penegasan negatif persendirian menerusi ungkapan **“bodohnya kamu”**. Penggunaan frasa ‘bodohnya kamu’ tersebut menunjukkan penegasan tentang sifat bodoh penama oleh warga maya yang lain. Bentuk hinaan penegasan negatif persendirian tersebut dikukuhkan apabila warga maya tersebut menyebut atau mengetag penama secara spesifik ‘HE Nazim’ iaitu warga maya yang memberi komen sebelumnya.

Seterusnya, data H-RNP1 berikut pula menunjukkan penggunaan bentuk hinaan-rujukan negatif persendirian menerusi ungkapan **“budak ni mmg totok PAN”**. Berdasarkan konteks komen warga maya tersebut, ungkapan ‘budak ni mmg totok PAN’ merujuk kepada bentuk hinaan tentang ketegaran pengikut Parti Amanah Negara menerusi leksikal ‘totok’ iaitu kata pinjaman Jawa yang menunjukkan jati diri sebuah bangsa. Bentuk hinaan rujukan negatif persendirian dalam data H-RNP1 tersebut juga diungkapkan menerusi **“jenis melayu bangsat”** apabila warga maya tersebut mengungkapkan perkataan ‘bangsat’ yang merupakan suatu bentuk penghinaan kepada bangsa Melayu iaitu rujukan negatif kepada bangsa warga maya yang lain.

Bentuk hinaan yang terakhir iaitu rujukan negatif orang ketiga dalam sasaran perbincangan dapat dilihat menerusi penggunaan leksikal **“mahacai”** seperti dalam Jadual 5. Dalam konteks data H-RNS1, penggunaan leksikal ‘mahacai’ merujuk kepada orang ketiga dalam sasaran perbincangan di ruangan komen tersebut iaitu warga maya yang lain. Leksikal ‘mahacai’ bermaksud ‘macai’ pada Mahathir (Tun Mahathir), yang membawa maksud hamba kepada Mahathir. Penggunaan leksikal ‘mahacai’ tersebut merupakan suatu bentuk hinaan rujukan negatif orang ketiga apabila warga maya tersebut menggelarkan pengikut-pengikut setia Mahathir dengan gelaran ‘mahacai’ iaitu hamba Mahathir.

Bentuk hinaan yang ditunjukkan dalam komen-komen warga maya seperti dalam Jadual 5 tersebut menunjukkan penggunaan bahasa yang tidak santun dan mencemarkan prinsip yang kelima dalam Rukun Negara iaitu Kesopanan dan Kesusilaan apabila menggunakan kata-kata negatif seperti ‘bodoh’, ‘anjing’, ‘totok’, ‘bangsat’ dan ‘mahacai’.

Bentuk Kritikan Pedas atau Aduan

Bentuk ketidaksantunan seterusnya ialah bentuk kritikan pedas atau aduan yang dapat dilihat dalam data KPA1 dan KPA2 di Jadual 6 berikut.

Jadual 6 Bentuk kritikan pedas atau aduan dalam komen warga maya terhadap isu peletakan jawatan YDPA ke-15

| Data | Komen |
|------|---|
| KPA1 | sultan negara lain boleh ke?? Jgn lupa johor tu negara bkn negeri. [Sultan negara lain boleh ke? Jangan lupa Johor tu negara bukan negeri] |
| KPA2 | Hasrat utk melihat ratu cantik di atas singgahsana nampaknya tidak kesampaian. [Hasrat untuk melihat ratu cantik di atas singgah sana nampaknya tidak kesampaian] |

Dalam data KPA1, warga maya telah memberikan komen berunsur kata-kata sinis yang ditujukan kepada institusi kesultanan negeri Johor terhadap komen “Harap sultan johor yg ganti, dah parah sangat Malaysia ni”. Konteks dalam data KPA1 menunjukkan bahawa warga maya mempertikaikan kelayakan Sultan Johor kerana Kesultanan Negeri Johor sinonim dengan gelaran ‘bangsa Johor’ yang menggambarkan seolah-olah Johor bukan sebahagian dari negara Malaysia. Ungkapan “**sultan negara lain**” itu menunjukkan kata-kata yang sinis berbentuk kritikan pedas kerana menyindir institusi kesultanan negeri Johor. Data KPA2 pula merupakan komen yang mengandungi kata-kata sinis terhadap isu peletakan YDPA ke-15 menerusi pernyataan “**ratu cantik di atas singgahsana**”. Sebelum isu peletakan jawatan YDPA ke-15 dilaporkan, terdapat suatu spekulasi menyatakan YDPA ke-15 telah berkahwin dengan seorang Ratu Cantik dari Rusia. Warga maya tersebut telah memberikan komen yang mengandungi bentuk kritikan pedas menerusi penggunaan kata-kata yang sinis dalam komen tersebut. Data KPA1 dan KPA2 tersebut jelas telah menunjukkan suatu bentuk penghinaan kepada institusi beraja dan mencemarkan kewibawaan prinsip Rukun Negara yang kedua iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara.

Bentuk Soalan yang Mencabar atau Praandaian

Bentuk soalan yang mencabar atau praandaian dapat dilihat dalam data SMP1 dan SMP2 yang merujuk kepada soalan yang berbentuk provokasi.

Jadual 7 Bentuk soalan yang mencabar atau praandaian dalam komen warga maya terhadap isu peletakan jawatan YDPA ke-15

| Data | Komen |
|------|---|
| SMP1 | Yus Nizam mmpi jela sultan kau tu jd agong..klau kenyataan sekali pn kau ingt tun goyang ke dgn dia hahahaha...israel dgn us pn tun bantai semacam je..raja kau ada bunyi? Dgn rakyat berani la... [Yus Nizam mimpi saja lah Sultan kau tu jadi Agong. Kalau kenyataan sekali pun, kau ingat Tun goyang ke dengan dia hahahaha, Israel dengan US pun Tun bantai semacam saja. Raja kau ada bunyi? Dengan rakyat berani la.] |
| SMP2 | anda yakin dengan sultan johor????anda kenal sultan johor???? [Anda yakin dengan Sultan Johor? Anda kenal Sultan Johor?] |

Data SMP1 tersebut merupakan suatu soalan mencabar berbentuk provokasi kepada komen sebelumnya yang menyatakan agar Sultan Johor dilantik sebagai YDPA yang seterusnya. Pernyataan “**ingt tun goyang ke dgn dia**” menunjukkan suatu bentuk soalan yang mencabar kerana mempertikaikan kewibawaan dan kedudukan sultan. Hal ini menggambarkan ketidaksantunan bahasa dengan membandingkan kekuasaan seorang Perdana Menteri dengan seorang Sultan. Pernyataan “**raja kau ada bunyi?**” juga menunjukkan soalan yang mencabar kedudukan dan kuasa sultan sebagai pemerintah negeri. Bentuk ketidaksantunan dalam komen tersebut bertujuan memprovokasi warga maya yang berharap agar Sultan Johor menjadi YDPA seterusnya. Data SMP2 juga menunjukkan maklum balas warga maya terhadap harapan salah seorang warga maya agar Sultan Johor dilantik YDPA seterusnya. Soalan tersebut bersifat

provokasi dan mempertikai tentang kewibawaan Sultan Johor menerusi penyataan “***anda yakin dengan sultan johor????anda kenal sultan johor????***”. Penyataan dalam SMP2 tersebut menunjukkan bentuk ketidaksantunan soalan yang mencabar kerana mempertikai dan memperlekehkan kewibawaan institusi kesultanan negeri Johor. Kedua-dua data SMP1 dan SMP2 tersebut juga jelas menunjukkan bentuk ketidaksantunan bahasa yang mencemarkan institusi beraja sebagai suatu institusi yang harus dihormati dan dipelihara. Kewibawaan prinsip kedua dalam Rukun Negara tersebut telah dicemari dengan komen-komen yang negatif seperti yang dibincangkan dalam data tersebut.

Bentuk Meninggi Diri

Seterusnya, bentuk ketidaksantunan seterusnya ialah bentuk meninggi diri menerusi kata-kata yang merendahkan orang lain seperti dalam data MD1 dan MD2.

Jadual 8 Bentuk meninggi diri dalam komen warga maya terhadap isu peletakan jawatan YDPA ke-15

| Data | Komen |
|------|---|
| MD1 | <i>Muhammad Shafiq haha penat la layan fb asyik2 fitnah. Sjk org tua pandai main fb ni, kalau x dulu lepak warong je kalau nk kutuk krajaan</i> [Muhammad Shafiq haha penat lah layan Facebook asyik-asyik fitnah. Sejak orang tua pandai main Facebook ini, kalau tak lepak warung saja kalau nak kutuk kerajaan] |
| MD2 | <i>Hanis Hassan ksian..nama bijak..otak x sama level dgn nama..kesiaannnn</i> [Hanis Hassan kasihan, nama bijak, otak tak sama level dengan nama. Kasihan.] |

Dalam data MD1, penyataan “***sjk org tua pandai main fb ni***” menunjukkan warga maya tersebut merendah-rendahkan dan memperlekehkan warga maya lain yang turut memberi komen terhadap isu yang dibincangkan dengan memberi gelaran ‘orang tua’ apabila tidak bersetuju dengan pandangan penama tersebut. Hal ini jelas menunjukkan bahawa warga maya tersebut tidak menunjukkan kesantunan berbahasa sesama warga maya yang lain dengan merendah-rendahkan individu lain. Data MD2 pula menunjukkan bentuk meninggi diri apabila merendah-rendahkan tahap fikiran penama yang tidak setara dengan nama yang diberikan iaitu Hanis Hassan yang bermaksud bijak. Komen warga maya tersebut jelas memperlekehkan tahap pemikiran penama menerusi ungkapan “***otak x sama level dgn nama***” yang menunjukkan ketidaksantunan berbentuk meninggi diri apabila merendah-rendahkan tahap pemikiran seseorang. Kedua-dua data MD1 dan MD2 jelas menunjukkan ketidaksantunan bahasa apabila merendah-rendahkan dan memperlekehkan individu lain. Hal ini ternyata tidak mendukung prinsip pertama dan kelima yang dinyatakan dalam Rukun Negara iaitu menitikberatkan pegangan agama dan kesopanan dan kesusilaan.

Bentuk Mesej Paksaan

Bentuk ketidaksantunan bahasa mesej paksaan dapat dilihat menerusi data MP1 dan MP2 apabila warga maya mengetag penama dan mengarah warga maya yang lain.

Jadual 9 Bentuk mesej paksaan dalam komen warga maya terhadap isu peletakan jawatan YDPA ke-15

| Data | Komen |
|------|---|
| MP1 | <i>Azmila Kordi ko ulang ayat ko pd tuan post. Mahacai PH laknat.</i> [Azmila Kordi kau ulang ayat kau pada tuan post, mahacai PH laknat.] |
| MP2 | <i>Kalau bodoh tu pergi belajar yee..</i> [Kalau bodoh tu pergi belajar ye.] |

Data MP1 dalam Jadual 9 menunjukkan bentuk mesej paksaan apabila warga maya tersebut mengetag penama iaitu ‘Azmila Kordi’ dan memberi arahan menerusi penyataan “***ko ulang ayat ko pd tuan post***”. Komen yang diberikan tersebut jelas menunjukkan mesej berbentuk desakan dan arahan dengan ayat berbentuk arahan dan tag penama iaitu pemberi komen sebelumnya secara spesifik. Data MP2 juga menunjukkan komen yang bentuk ketidaksantunan mesej paksaan apabila warga maya tersebut memberi arahan “***pergi belajar yee***” kepada warga maya yang lain. Warga maya tersebut mengarahkan individu lain untuk belajar kerana beranggapan maklum balas yang diberikan menunjukkan kebodohan. Hal ini menunjukkan bahawa warga maya sudah tidak menyantuni warga maya yang lain apabila membuat penyataan berbentuk arahan iaitu ketidaksantunan bahasa berbentuk mesej paksaan. Kedua-dua data MP1 dan MP2 tersebut tidak mendukung prinsip kelima yang dinyatakan dalam Rukun Negara iaitu menitikberatkan kesopanan dan kesusilaan apabila menyatakan komen bersifat desakan dan arahan.

Bentuk Penyingkiran

Bentuk penyingkiran dalam komen isu peletakan YDPA ke-15 dapat dilihat menerusi data P1 dan P2 yang merujuk kepada kata-kata yang menghalau.

Jadual 10 Bentuk penyingkiran dalam komen warga maya terhadap isu peletakan jawatan YDPA ke-15

| Data | Komen |
|------|---|
| P1 | <i>Ismail Qayyum nnti dah habis amik udara segar, masuk gua balik eh cai.</i> [Ismail Qayyum nanti dah habis ambil udara segar, masuk gua balik eh cai] |
| P2 | <i>Simpan sikit lah bodoh kau too... bodoh semalam xhabis2 g dh bawak bodoh yg baru...</i> [Simpan sikit lah bodoh kau tu, bodoh semalah tak habis-habis lagi dah bawa bodoh yang baru.] |

Data P1 dalam Jadual 10 menunjukkan komen warga maya yang berbentuk penyingkiran menerusi penyataan “***masuk gua balik***”. Penyataan tersebut menggambarkan warga maya tersebut menyingkirkan dan menghalau penama daripada ruangan komen apabila meminta penama iaitu Ismail Qayyum ‘kembali ke gua’ setelah berlegar-legar di ruangan komen dengan ujaran “*nnti dah habis amik udara segar*”. Bentuk penyingkiran tersebut dapat difahami berdasarkan konteks menghalau penama agar kembali ke ‘gua’. Data P2 pula menunjukkan bentuk penyingkiran menerusi ujaran “***simpan sikit lah bodoh***”. Penyataan tersebut menunjukkan konteks bahawa warga maya berniat untuk menghalau si pemberi komen agar tidak terus melontarkan pendapat yang dirasakan menunjukkan akan terus menunjukkan kebodohnya. Data MP1 dan MP2 tersebut jelas tidak mendukung prinsip kelima Rukun Negara iaitu Kesopanan dan Kesusilaan apabila memberikan komen dengan tidak menghormati warga maya lain dalam platform yang sama apabila menggunakan mesej yang berniat untuk menyingkirkan dan menghalau dari ruangan tersebut.

Bentuk Mendiamkan

Jadual 11 berikut menunjukkan bentuk ketidaksantunan mendiamkan apabila warga maya mengungkapkan ujaran ‘senyap’ dan ‘diam’.

Jadual 11 Bentuk mendiamkan dalam komen warga maya terhadap isu peletakan jawatan YDPA ke-15

| Data | Komen |
|------|--|
| M1 | <i>Fitri Zam bg die henpon senyap die tu</i> [Fitri Zam bagi dia handphone senyap dia tu] |
| M2 | <i>Malu sikit kalau x tau baik diam bro.</i> [Malu sikit kalau tak tau, baik diam bro.] |

Data M1 menunjukkan bentuk mendiamkan apabila warga maya mengungkapkan ujaran "**bg die henpon senyap die**". Ujaran bentuk ketidaksantunan mendiamkan dapat difahami dalam konteks komen tersebut apabila warga maya menyatakan dengan memberi telefon individu yang dimaksudkan akan senyap dan diam. Makna penyataan komen tersebut adalah untuk mendiamkan individu yang dimaksudkan daripada memberi pendapat dan maklum balas dalam ruangan komen tersebut. Data M2 juga menunjukkan penyataan ketidaksantunan bahasa bentuk mendiamkan menerusi ujaran "**baik diam bro**". Komen warga maya tersebut meminta agar individu tersebut tidak memberikan sebarang komen jika tidak tahu-menahu tentang inti pati perbincangan. Hal ini menunjukkan ketidaksantunan bahasa apabila warga maya tersebut menggunakan ketidaksantunan bahasa berbentuk mendiamkan individu lain. Kedua-dua data tersebut jelas telah menunjukkan ketidaksantunan bahasa dan tidak menghayati prinsip kelima dalam Rukun Negara yang menekankan aspek kesantunan dan bertatasusila sesama masyarakat.

Bentuk Ugutan

Bentuk ketidaksantunan bahasa seterusnya ialah bentuk ugutan iaitu kata-kata yang berbentuk ancaman, amaran atau tekanan seperti dalam Jadual 12 berikut.

Jadual 12 Bentuk ugutan dalam komen warga maya terhadap isu peletakan jawatan YDPA ke-15

| Data | Komen |
|------|---|
| U1 | <p><i>Jgn jd bodoh la siak... Takde kena mengena ngn politik... Kang ada yg mkn botol ni kang</i> [Jangan jadi bodoh la sial, tak ada kena mengena dengan politik. Karang ada yang makan botol ni]</p> |
| U2 | <p><i>gatal nk tgk bini org,,,xkenal dosa ke??? org cmni layak kena pijak je</i> [gatal nak tengok bini orang, tak kenal dosa kah? Orang camni layak kena pijak saja]</p> |

Data U1 dalam Jadual 12 tersebut menunjukkan bahawa warga maya menunjukkan ketidaksantunan bahasa bentuk ugutan menerusi komen "**kang ada yg mkn botol ni kang**". Konteks ketidaksantunan bahasa dalam penyataan tersebut menunjukkan suatu ancaman memasukkan botol kepada mulut (makan botol) individu yang dimaksudkan apabila merasakan komen yang diberikan dikaitkan dengan politik. Manakala data U2 menunjukkan penggunaan bentuk ugutan menerusi penyataan "**org cmni layak kena pijak je**" iaitu merupakan suatu bentuk tekanan. Warga maya tersebut mengemukakan komen yang tidak santun dengan menekankan individu yang dimaksudkan seharusnya dipijak kerana komen yang dikemukakannya sebelum itu yang ingin melihat Ratu Cantik Rusia yang dispekulasikan telah bernikah dengan YDPA. Bentuk ugutan yang dikemukakan dalam kedua-dua komen tersebut menunjukkan ketidaksantunan bahasa dan mencemari prinsip Kesopanan dan Kesusilaan yang termaktub dalam Rukun Negara.

Bentuk Sumpahan

Seterusnya, bentuk sumpahan juga ditemui dalam komen warga maya apabila menggunakan kata-kata bersifat makian dan mengharapkan sesuatu yang buruk berlaku terhadap seseorang seperti dalam Jadual 13 berikut.

Jadual 13 Bentuk sumpahan dalam komen warga maya terhadap isu peletakan jawatan YDPA ke-15

| Data | Komen |
|------|---|
| S1 | <p><i>pm alamat bang, aku pos kondom tiap2 bulan.. species ko nie xle dibiarkan membiak, bahaya utk pembangunan IQ rakyat dan membusukan nama negara..</i> [PM alamat bang, aku pos kondom tiap-tiap bulan. Spesis kau ni, tak boleh dibiarkan membiak, bahaya untuk pembangunan IQ rakyat dan membusukkan nama negara.]</p> |
| S2 | <p><i>HE Nazim aku rasa lh dia nk bgi pluang kkt atok madey duk atas tahta sblum madey gol.</i> [HE Nazim aku rasa lah, dia nak bagi peluang kat atok Mahathir duduk atas takhta sebelum Mahathir gol]</p> |

Data S1 dalam Jadual 13 menunjukkan ketidaksantunan bahasa bentuk sumpahan menerusi pernyataan "**species ko nie xle dibiarkan membiak.**" Konteks ujaran ketidaksantunan bahasa tersebut menunjukkan bentuk kata-kata bersifat makian yang bermaksud bahawa individu yang dimaksudkan tersebut akan melahirkan keturunan yang mempunyai tahap kecerdasan yang rendah sehingga mengancam pembangunan negara. Kata-kata bersifat makian tersebut menunjukkan bentuk sumpahan yang ditujukan khusus kepada individu yang dimaksudkan. Manakala data S2 pula menunjukkan ketidaksantunan bahasa warga maya menerusi komen "**sebelum madey gol**". Dalam konteks pernyataan komen yang ditunjukkan, warga maya tersebut mengharapkan sesuatu yang buruk iaitu mengharapkan Tun Mahathir, Perdana Menteri Malaysia mati (gol). Komen tersebut jelas menunjukkan ketidaksantunan bahasa bentuk sumpahan kerana mengharapkan perkara yang buruk berlaku kepada seseorang apatah lagi seseorang yang dimaksudkan merupakan seorang pemimpin negara. Komen-komen dalam data S1 dan S2 tersebut menunjukkan bahawa nilai pegangan agama yang didukung dalam prinsip Kepercayaan kepada Tuhan sudah kian luntur apabila menggunakan kata-kata berbentuk sumpahan dengan makian dan mengharapkan sesuatu yang buruk berlaku kepada seseorang.

Bentuk Gangguan Campur Tangan

Bentuk ketidaksantunan bahasa yang terakhir dalam kerangka ketidaksantunan bahasa Culpeper (2011) yang telah ditemui ialah bentuk gangguan campur tangan seperti dalam Jadual 14 berikut.

Jadual 14 Bentuk gangguan campur tangan dalam komen warga maya terhadap isu peletakan jawatan YDPA ke-15

| Data | Komen |
|------|---|
| GCT1 | <p>Apa yang kau setuju? Aku jadi pening. [Apa yang kau setuju? Aku jadi pening.]</p> |
| GCT2 | <p>Boleh sape2 bagitau saye ape sebab baginda letak jawatan? Saya blur sikit tak tau apa sebab baginda letak jawatan. [Boleh sesiapa bagitau saya, apa sebab baginda letak jawatan? Saya blur sikit tak tau apa sebab baginda letak jawatan.]</p> |

Data GCT1 tersebut menunjukkan bentuk gangguan campur tangan apabila warga maya mengemukakan komen "**apa yang kau setuju?**". Komen warga maya tersebut menunjukkan ketidaksantunan bahasa apabila secara tiba-tiba mengemukakan soalan sedemikian kepada warga maya yang lain tanpa terlebih dahulu membaca konteks perbincangan tentang isu yang dilaporkan. Komen tersebut telah menimbulkan rasa kurang senang warga maya lain sehingga berlaku kata-kata bersifat kecaman kerana individu tersebut mengganggu interaksi tanpa terlebih dahulu membaca keseluruhan komen yang diberikan. Bentuk gangguan campur tangan

ini yang sama juga dapat dilihat menerusi data CGT2 menerusi komen ***"Boleh sape2 bagitau saye ape sebab baginda letak jawatan?"***. Komen individu tersebut telah menimbulkan rasa kurang senang warga maya lain sehingga dikecam kerana tidak mahu membaca keseluruhan komen yang diberikan sebelumnya. Hal ini kerana, sebelum itu telah terdapat warga maya yang menyatakan pandangan tentang peletakan jawatan YDPA dalam ruangan komen tersebut. Walaupun secara literalnya, kedua-dua data dalam GCT1 dan GCT2 tersebut tidak menggunakan kata-kata negatif, namun dalam konteks ketidaksantunan bahasa, mencampuri atau mengganggu perbualan secara tiba-tiba sehingga menimbulkan ketidaksenangan pihak lain juga dianggap tidak santun.

Secara keseluruhannya, analisis bentuk ketidaksantunan bahasa dalam Jadual 5 hingga 14 menunjukkan bahawa warga maya menggunakan bahasa yang tidak santun dalam pelbagai bentuk iaitu bentuk hinaan, kritikan pedas, soalan yang mencabar, meninggi diri, mesej paksaan, penyingkiran, mendiamkan, ugutan, sumpahan dan gangguan campur tangan. Analisis turut membincangkan ketidaksantunan bahasa yang digunakan turut mencemari prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara Malaysia.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan yang dibincangkan, kesemua bentuk ketidaksantunan bahasa Culpeper (2011) digunakan dalam komen warga maya terhadap isu peletakan jawatan YDPA ke-15. Hal ini menggambarkan berlakunya revolusi penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat secara amnya, dan hal ini sudah tidak selaras dengan prinsip yang didukung dalam Rukun Negara khususnya yang menekankan prinsip Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara dan Kesopanan dan Kesusahaannya. Revolusi penggunaan bahasa dalam kalangan warga maya kini dilihat semakin luntur nilai kesantunannya. Warga maya yang majoritinya beragama Islam sepertinya mengamalkan pegangan agama seperti yang termaktub dalam prinsip Kepercayaan kepada Tuhan sejarah dengan perintah Allah yang menuntut hamba-Nya menjaga lisan / pertuturan ketika berbicara. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa warga maya juga tidak santun dalam berbahasa terhadap institusi yang perlu dihormati iaitu institusi beraja seperti yang termaktub dalam prinsip Kesetiaan kepada Raja dan Negara, apabila dengan tanpa rasa bersalah menggunakan komen yang tidak santun menerusi kata-kata yang mencemarkan kewibaan dan kehormatan institusi beraja. Kajian ini juga membuktikan bahawa prinsip Rukun Negara yang kelima iaitu Kesopanan dan Kesusahaannya dalam kalangan masyarakat khususnya warga maya tidak diamalkan. Nilai yang didukung dalam ketiga-tiga prinsip Rukun Negara tersebut sudah lagi tidak diamalkan oleh segelintir masyarakat khususnya warga maya. Impak Revolusi Industri 4.0 dan kemajuan teknologi turut memberi kesan kepada nilai berbahasa apabila warga maya begitu mudah melontarkan pandangan dan pendapat di media sosial kerana keterbukaan ruang yang disediakan dan maklumat peribadi warga maya dapat dirahsiakan.

*Kajian ini dilakukan dengan dana daripada geran Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu (FRGS/1/2018/SSI01/UITM/03/1) yang bertajuk *Pemprofilan Model Ketidaksantunan Berbahasa Dalam Media Sosial Bagi Menerobos Jenayah Buli Siber*.

RUJUKAN

- Asmah Omar. (2002). *Setia dan Santun Berbahasa*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmah Omar. (2000). *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Culpeper, J. (1996). Towards an anatomy of impoliteness. *Journal of Pragmatics*, 25(3), 349-367. [https://doi.org/10.1016/0378-2166\(95\)00014-3](https://doi.org/10.1016/0378-2166(95)00014-3)
- Culpeper, J. (2001). *Language and Characterisation: People in Plays and other Texts*. London: Longman.
- Culpeper, J. (2005). Impoliteness and entertainment in the television quiz show: 'The Weakest Link'. *Journal of Politeness Research*, 1(1), 35-72. <https://doi.org/10.1515/jplr.2005.1.1.35>
- Culpeper, J. (2011) *Impoliteness: Using language to cause offence*. London: Cambridge University Press.
- Erza, S., & Hamzah, H. (2018). Impoliteness Used by Haters on Instagram Comments of Male-Female Entertainers. *Journal of English Language and Literature*, 7 (1), 184-195.
- Jane Xavierine, M Xavier Thayalan. (2017). Impoliteness strategies in the social media comments on the Low Yat plaza incident. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Nor Shahila Mansor, Roslina Mamat, Rozita Che Omar & Akmar Hayati Ahmad Ghazali. (2014). Ketidaksantunan Bahasa Sebagai Strategi Pujukan dalam Iklan Berbahasa Sepanyol. *GEMA Online: Journal of Language Studies*, 14(3), 207-223.
- Roslina Mamat, Hazlina Abdul Halim & Normaliza Abd Rahim. (2012). Celahan dalam Perbualan Pemandu Pelancong Malaysia dan Pelancong Jepun. *GEMA Online: Journal of Language Studies*, 2(3), 849-863.
- Roswati Abdul Rashid, Isma Rosila Ismail, Radhiah Ismail & Roslina Mamat. (2017). Ketidaksantunan dalam Perbualan Bahasa Jepun oleh Pemandu Pelancong Malaysia. *GEMA Online: Journal of Language Studies*, 17(3), 86-105.
- Statista (t.t). Dicapai daripada <https://www.statista.com/statistics/272014/global-social-networks-ranked-by-number-of-users/>
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2012) Penggunaan strategi ketidaksantunan dalam kalangan remaja di sekolah. *Jurnal Linguistik*, 16, 62-74.

